

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans kotak deposit keselamatan. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

Polisi Peti Simpanan Keselamatan

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan terhadap kerosakan, kemusnahan, kehilangan atau kerugian akibat kecurian dan/atau rompakan atas harta pelanggan anda yang terkandung di dalam peti simpanan yang dipajak dalam premis anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi anda terhadap :-

a) Kecurian jika seseorang :

- i) Mendapat masuk ke dalam premis dengan memecah masuk
- ii) Memecahkan tempat di dalam premis
- iii) Mendapat masuk ke dalam premis dengan menggunakan kunci asal yang diperolehinya melalui pecah masuk atau rompakan
- iv) Menyelinap masuk ke dalam premis, dengan kata lain diam-diam masuk ke dalam premis itu dan cuba menjaga kehadirannya tidak dapat dikesan oleh pihak ketiga. Bagaimanapun perlindungan insurans akan diberikan hanya sekiranya orang yang meninggalkan kesan apabila keluar dari premis yang boleh digunakan sebagai bukti.

b) Rompakan jika :

- i) Keganasan digunakan untuk menentang yang diinsuranskan atau pekerjaanya untuk menghapuskan apa-apa rintangan untuk menyerahkan harta yang diinsuranskan.
- ii) Yang diinsuranskan atau pekerjaanya menyerahkan harta yang diinsuranskan atau membolehkan ia diambil daripadanya kerana ancaman kecederaan tubuh badan atau kematian akan dilakukan di premis yang diinsuranskan.

Tempoh perlindungan bergantung kepada keperluan anda dan akan dinyatakan di dalam polisi. Anda perlu memperbaharui polisi anda sebelum tarikh tamat.

3. Berapakah premium yang perlu anda bayar ?

Jumlah premium yang perlu dibayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, jenis alat keselamatan atau langkah-langkah yang dipasang di premis anda dan lain-lain keperluan pengunderaitan khas oleh pihak syarikat insurans.

4. Apakah yuran serta tambahan bayaran yang perlu saya bayar?

Selain premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, jika ada	0% daripada premium
b. Duti stem	RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada perantara, jika ada sehingga 25% dari premium yang dikenakan

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** – Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta bahan yang anda tahu atau harus ketahui yang akan mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan kami cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kehilangan, apa-apa perubahan yang menduduki premis anda dan lain-lain
- **Jumlah Untuk Diinsuranskan** – Anda perlu memastikan bahawa harta pelanggan anda yang terkandung di dalam peti simpanan selamat diinsuranskan pada jumlah yang sesuai
- **Jaminan Penggera** – Anda perlu memastikan bahawa premis dilindungi oleh penggera bilik kebal yang hendaklah dijaga dengan baik mengikut spesifikasi pengeluar.
- **Pembinaan Peti Besi dan Jaminan Keselamatan** – Anda perlu memastikan bahawa pembinaan dan keselamatan bilik kebal yang diinsuranskan mestilah mematuhi garis panduan Persatuan Bank-Bank Malaysia/Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia (ABM/AFCM) .
- **Kawalan Jaminan Dua** – Anda perlu memastikan bahawa akses kepada dan daripada semua peti simpanan keselamatan berada di bawah kawalan lebih daripada satu orang yang semuanya bertanggungjawab adalah dikekalkan untuk semua peti simpanan keselamatan.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:-

- Diinsuranskan harta sendiri.
- Apa-apa perbuatan yang tidak jujur atau penipuan.
- Peperangan , perang saudara dan mana-mana tindakan keganasan.
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh berkenaan terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami, Di atas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub dalam kontrak polisi

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perihal saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan butiran perihal anda bagi memastikan segala surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya

9. Apakah yang harus dilakukan sekiranya berlaku kemalangan?

Anda mesti :-

- (i) melaporkan kejadian itu kepada polis dengan segera dan memberikan bantuan yang munasabah dalam menyebabkan penemuan dan hukuman- hukuman kerana orang yang melakukan dan dalam mengesan dan penemuan harta.
- (ii) memberitahu kami secara bertulis dengan butiran terperinci secepat mungkin. Pemberitahuan awal adalah perlu bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda.

10. Apakah yang perlu dilakukan semasa membuat tuntutan ?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan melampirkan kesemua keterangan sokongan dan dokumen kepada kami dan memberi kerjasama kepada Penyelaras/Penyiasat yang dilantik oleh pihak kami bagi menilai tuntutan anda

11. Di mana boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kecurian ini atau mana-mana jenis produk insurans, anda boleh menghubungi kami atau pengantaraan insurans anda atau layari laman web kami di www.mpigenerali.com

MPI Generali Insurans Berhad

(Berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)

8th Floor, Menara Multi-Purpose

Capital Square

No. 8, Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2034 9888

Fax: 03-2694 5758

Email: generalenquiries@mpigenerali.com

12. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan?

- Insurans kecurian

NOTA PENTING:

ANDA DI NASIHATKAN PERLINDUNGAN, PENGECEUALIAN DAN PEMBATASAN FAEDAHFAEDAH YANG DI TEGASKAN INI ADALAH TIDAK LENGKAP. KETERANGAN PENUH ADALAH YANG TERDAPAT PADA INSURANS KONTRAK.

ANDA HARUS MEMUASKAN DIRI IAITU POLISI INI AKAN MEMENUHI KEHENDAK ANDA YANG TERBAIK

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/06/2018